

Atau;

$$RM D = \frac{2 \times RM AP}{RM CS - RM PC \& RM PS \times [RM WD - 0.25 (RM CS - RM PC \& RM PS)]}$$

Di mana,

RM D = Potongan kumulatif yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Interim

RM AP = Amaun wang pendahuluan yang telah dibayar;

RM WD = Nilai Kerja yang dilaksanakan termasuk 75% daripada nilai bahan dan barang-barang tak pasang yang diserahkan ke Tapak Bina

RM CS = Jumlah harga kontrak; dan

RM PC & RM PS = Jumlah Wang Kos Prima dan Wang Peruntukkan Sementara dalam Kontrak

15.2.8 Apabila wang Pendahuluan telah dibayar kepada kontraktor, P.P. hendaklah memastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat dibayar balik sepenuhnya apabila nilai kerja telah mencapai 75% daripada nilai kerja.

15.2.9 Tempoh sah laku Jaminan tersebut untuk Bayaran Pendahuluan bagi kontrak mestilah meliputi tempoh kontrak atau ke satu tempoh lanjutan yang diluluskan dan akan dilepaskan apabila segala potongan selesai dibuat mengikut mana yang terdahulu.

15.2.10 P.P. hendaklah hanya menerima format Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/Jaminan Bank Islam/Jaminan Takaful seperti di (rujuk bab 5 - Lampiran 5E), manakala bagi Kontraktor Bekalan/Perkhidmatan/Kerja dan seperti di Lampiran 15A bagi Subkontraktor Dinamakan.

15.2.11 P.P. adalah dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak untuk menentukan sekiranya pihak kontraktor gagal, Bayaran Pendahuluan yang belum dibayar balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/syarikat insurans/syarikat takaful yang mengeluarkan Jaminan tersebut yang telah dikemukakan oleh kontraktor dalam tempoh sah lakunya.